



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI DAN ASM BANGUNKAN SISTEM PENGAWASAN STIE *TREND WATCH* BAGI MENAMBAHBAIK PERATUSAN PENYELIDIK DALAM SEKTOR INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 20 September 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Akademi Sains Malaysia (ASM) kini sedang membangunkan Sistem Pengawasan STIE *Trend Watch*. Ia sebagai salah satu usaha bagi meningkatkan jumlah penyelidik di sektor industri yang ketika ini hanya mempunyai 15.83 peratus penyelidik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba berkata, "Menerusi sistem pengawasan data secara *real-time* ini, bakat STEM negara dapat dipantau dan dipertingkatkan bagi memenuhi inisiatif-inisiatif berkaitan. Ini dijangka memenuhi sasaran peningkatan 10 hingga 15 peratus jumlah penyelidik dalam sektor industri menjelang 2030."

Beliau berucap semasa majlis **Penganugerahan Felo Akademi Sains Malaysia dan Pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2022*** di ibu negara.

Tambah beliau, "Selain daripada itu, sistem berkenaan sekali gus dapat memperkasa institut penyelidikan awam dan organisasi penyelidikan berkaitan kerajaan (GLRO) untuk menjadi perantara inovasi yang efektif bagi menghubungkan penyelidik di institut pengajian tinggi dan industri. Justeru, saya menyeru agar semua pihak mengemblem tenaga dan menyokong inisiatif yang diterajui ASM ini."

MOSTI turut menggesa agar ASM mempergiatkan usaha untuk menarik pakar dalam sektor industri untuk diiktiraf sebagai Felo atau *Top Research Scientists Malaysia*. Pencalonan individu daripada sektor industri akan membolehkan MOSTI dan ASM menggerakkan penglibatan mereka dalam pembangunan negara dengan lebih aktif dan berkesan.

Dalam perkembangan lain, pada sesi libat urus Bajet 2023 bersama Kementerian Kewangan baru-baru ini, MOSTI dan ASM bersama pemegang taruh STEM negara telah mengutarakan beberapa pendekatan strategik untuk diperhalusi oleh agensi pusat bagi memperkasakan bidang tersebut. Antara pendekatan yang diutarakan adalah:

- i. Pengecualian cukai sehingga 10 tahun bagi rakyat Malaysia yang baru mula bekerja dalam bidang sains dan teknologi strategik negara.
- ii. Pemberian insentif Potongan Cukai Dua Kali (*Double Tax Deduction*) kepada mereka yang menyumbang dana kepada *Malaysia Science Endowment* untuk program dan inisiatif berkaitan STIE.
- iii. Program menarik saintis terkemuka bertaraf dunia dalam Teknologi Teras dan Kemahiran Masa Depan melalui pemberian status Pemastautin Tetap (PR) yang dapat melonjakkan serta memperkukuh industri berteknologi tinggi negara.
- iv. Mencadangkan Insitut Penyelidikan Awam dan Institut Pengajian Tinggi sebagai perantara inovasi negara ke arah pemeraksanaan ekosistem inovasi dan bakat STEM.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba turut menyampaikan Penganugerahan Felo Akademi Sains Malaysia kepada dua Felo Kanan dan 39 Felo serta pengiktirafan kepada 29 TRSM pada majlis ini. Sehingga kini, ASM mempunyai sejumlah 28 Felo Kanan, 425 Felo dan 148 TRSM.

Turut hadir Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim; Presiden Akademi Sains Malaysia merangkap Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, YBhg. Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail; dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia, Puan Hazami Habib.

Untuk membaca lebih lanjut mengenai Felo Akademi Sains Malaysia dan Top Research Scientists Malaysia 2022, sila layari <https://www.akademisains.gov.my/experts/>.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
20 September 2022